

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN LISAN DEWAN RAKYAT
MESYUARAT PERTAMA, PENGGAL KEEMPAT
PARLIMEN KEEMPAT BELAS**

PERTANYAAN : LISAN

DARIPADA : TUAN M. KULASEGARAN [IPOH BARAT]

TARIKH : 4 OKTOBER 2021 (ISNIN)

SOALAN

TUAN M. KULASEGARAN minta **MENTERI KESIHATAN** menyatakan langkah drastik yang akan diambil oleh Kerajaan untuk menjamin keselamatan dan kerjaya pekerja-pekerja kontrak seperti pekerja kebersihan dan pengawal keselamatan yang terdedah kepada risiko jangkitan COVID-19 dan pekerjaan mereka terjejas dan tidak dijamin dengan sistem kontrak yang sedia ada pada masa kini.

JAWAPAN

Tuan Yang di-Pertua,

1. Syarikat-syarikat penyenggara perkhidmatan sokongan di hospital/ institusi, stesen kuarantin dan Pusat Rawatan Covid-19 (PKRC) telah melaksanakan beberapa inisiatif antaranya adalah seperti berikut:

- (a) Memastikan semua pekerja pembersihan diberi vaksin kecuali mereka yang mempunyai masalah kesihatan, mengandung dan sebagainya.
- (b) Mengadakan latihan yang secukupnya terutamanya berkaitan dengan pematuhan SOP untuk memastikan agar semua pekerja mendapat pengetahuan secukupnya berkenaan dengan bahaya dan kaedah transmisi virus COVID-19.
- (c) Pekerja juga dibekalkan dengan PPE yang lengkap dengan kriteria kategori pemakaian PPE yang jelas selari dengan prosedur KKM.
- (d) Pemantauan dari semasa ke semasa juga dilakukan oleh pihak syarikat untuk memastikan pematuhan yang berterusan.
- (e) Memandangkan pengambilan pekerja pembersihan adalah melalui vendor, maka urusan berhubung pelantikan pekerja pembersihan adalah di bawah tanggungjawab majikan mereka sendiri dan bukan di bawah tanggungjawab syarikat penyenggaraan.

Sekian, terima kasih.